



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	5 /1/2011

BH PIUH 2A 5 (emel)

Pungutan suara harapan PM

Penambahbaikan dalam bidang ekonomi menerima undian tertinggi

Oleh Mohd Anwar
Patho Rohmari
wananwar@bharianxom.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak dalam hala tuju ke-pemimpinannya mahu melihat penambahbaikan dalam bidang ekonomi, infrastruk-

tur awam, sistem pendidikan dan keselamatan awam.

Justeru, Perdana Menteri melancarkan pungutan suara di dalam blognya www.lmalaysia.com.my semalam untuk mendapatkan maklum balas rakyat mengenai harapan beliau.

Pungutan suara yang mula

dilancarkan semalam dan tiada tarikh luput itu mendapat hampir 600 undian dengan menyaksikan penambahbaikan dalam bidang ekonomi menerima undian tertinggi daripada pengundi.

Sehingga jam 10 malam tadi, bidang ekonomi menerima 196 undian, infrastruktur

awam (153), sistem pendidikan (113) dan keselamatan awam (97).

Sebelum ini, Perdana Menteri turut mengadakan pungutan suara bagi menyatakan resolusi beliau untuk tahun ini yang akan menumpukan kepada pengukuhan kewangan, pembangunan

kerjaya, komuniti dan individu.

Pungutan suara yang dilancarkan pada 22 Disember lalu itu menunjukkan pengukuhan kewangan mendapat undian tertinggi iaitu 370 undi, pembangunan kerjaya (239), komuniti (207) dan individu (138).